

01/11/2001

Qari Iran, qariah Malaysia johan tilawah

KUALA LUMPUR, Rabu - Qari dari Iran dan qariah Malaysia menjuarai bahagian masing-masing pada Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-43, yang berakhir malam ini.

Mas'ud Sayah Gorji memenangi kategori lelaki dengan markah 90.25 peratus, manakala johan qariah, Pasiyah Hashim, memperoleh 95.08 peratus.

Tempat kedua bahagian qari dimenangi Abdul Ghani Hashim dari Malaysia dengan memperoleh 88 peratus, manakala Mudim Matassim Metussin dari Brunei di tempat ketiga (86.17 peratus).

Qariah dari Indonesia, Erry Syahriah, pula memenangi tempat kedua dengan 90.08 peratus dan peserta Thailand, Jintana Wongsahag, mendapat tempat ketiga dengan 85.25 peratus.

Johan qari dan qariah masing-masing menerima hadiah wang tunai RM15,200 berbanding RM10,000 pada tahun sebelumnya, piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan.

Pemenang kedua dan ketiga menerima RM11,400 dan RM7,600, berbanding RM7,000 dan RM5,000 sebelum ini. Hadiah sagu hati juga dinaikkan kepada RM3,800 berbanding RM1,000 sebelum ini.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin. Turut hadir pada majlis itu Permaisuri Terengganu, Permaisuri Nur Zahirah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Majlis tilawah yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sejak 25 Oktober lalu disertai 55 qari dan qariah dari 34 negara, yang diadili sembilan hakim, termasuk dari Libya, Arab Saudi, Indonesia, Brunei, Thailand dan Malaysia.

(END)